



## SIARAN MEDIA

---

### **TALIAN *HOTLINE* 1800 88 7999 MEMUDAHKAN ORANG AWAM MELAPORKAN KEJADIAN/KEMALANGAN RADIOLOGIKAL DAN NUKLEAR**

---

**DENGKIL, 10 Jun 2025** – Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia), sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah mewujudkan **talian hotline 1800 88 7999**.

Talian bebas tol ini adalah bertujuan untuk memudahkan orang awam menyalurkan aduan berkenaan kejadian/kemalangan radiologikal dan nuklear di Malaysia yang melibatkan sinaran mengion daripada bahan radioaktif, bahan nuklear atau radas penyinaran.

Talian bebas tol ini dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Tindakbalas Nuklear Kebangsaan (NCNRM), Atom Malaysia.

---

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN TENAGA ATOM (Atom Malaysia)  
KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI  
10 JUN 2025**

